

Kejayaan Malaysia hasil idea negarawan terdahulu

Oleh **MARZUKI YUSOFF**
dan **WAN RAM LI MOHAMAD**

KUALA TERENGGANU 18 Ogos - Kejayaan dan pencapaian besar Malaysia sekarang ini adalah hasil idea, dan usaha gigih pucuk pimpinan terdahulu, kata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, hasil usaha gigih Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussin, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju, makmur dan dinamik.

Kata beliau, jika rakyat mengalihkan pandangan ke dunia luar, ada banyak negara lain yang mencapai kemerdekaan lebih dulu dari Malaysia, tetapi sehingga kini belum mampu mencipta kemajuan dan kejayaan seperti yang Malaysia kecapai.

"Malah, ada banyak negara melaksanakan dasar yang hampir serupa dengan negara kita dalam mencapai matlamat sama, namun saya bangga menyatakan bahawa dari aspek keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut, kita antara negara paling berjaya.

"Saya percaya ini semua adalah hasil idea, kepimpinan baik serta usaha gigih oleh negarawan terdahulu dan sesungguhnya tokoh-tokoh ini adalah wirawan negara dan kita semua amat terhutang budi," kata Abdullah.

Perdana Menteri berkata demikian ketika melancarkan perayaan Bulan Kemerde-

kaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kebangsaan 2006 di Dataran Shah Bandar di sini, malam ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Rais Yatim.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh, Timbalah Menteri Penerangan, Datuk Zahid Hamidi dan Pengerusi Jawatankuasa Kempen Pengibaran Jalur Gemilang Peringkat Terengganu, Datuk Dr. Abdul Latif Awang.


Sambutan Bulan Kemerdekaan yang pertama kali diadakan di Terengganu itu dimeriahkan dengan pertunjukan bunga api, perarakan kereta, beca dan bot berhias, sketsa khas dan deklamasi puisi kemerdekaan.

Sebagai simbolik, Exco kerajaan negeri, Datuk Wan Hisham Wan Salleh menyerahkan Jalur Gemilang yang dilukis di dasar laut kepada Idris untuk diserahkan kepada Rais yang mewakili Perdana Menteri.

Rais kemudian menyerahkan Jalur Gemilang itu kepada Zahid selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Kempen Pengibaran Jalur Gemilang untuk perarakan bermotor ke seluruh negara.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri mengingatkan bahawa idea bijak dan kepimpinan baik semata-mata tidak akan membawa hasil sebagaimana yang diinginkan negara sekarang tanpa ada sokongan daripada rakyat.

Bagi Perdana Menteri, tempoh separuh penggal yang pertama telah berjaya dilalui dengan begitu baik dan kini rakyat perlu



ANTARA kereta berhias yang menyerikan majlis pelancaran perayaan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat Kebangsaan di Kuala Terengganu, malam tadi.

Gambar MAHATHIR ALI.

bersedia menghadapi tempoh penggal kedua yang mana cabarannya lebih getir dan hebat.

Antara cabaran dan rintangan itu, me-

nurut beliau, adalah globalisasi, liberalisasi, keadaan ekonomi negara-negara luar serta pelbagai tekanan dan cabaran global seperti kenaikan harga minyak.